

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Insurans Barangan Dalam Transit. Pastikan juga anda telah membaca terma – terma dan syarat – syarat am).

Insurans Barangan Dalam Transit

1. Apakah produk ini?

Polisi ini melindungi kerugian, kemusnahan atau kerosakan ke atas barangan anda ketika di dalam perjalanan transit darat dengan lori atau kereta api atau mana-mana pengangkutan yang berlesen untuk mengangkut barangan atau ketika di simpan sementara di dalam perjalanan transit biasa di antara Had Wilayah disebabkan oleh peril yang dinyatakan atau kemalangan.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Terdapat 2 jenis perlindungan yang diberikan dibawah insurans ini :

a. Fasal Barangan Dalam Transit (Semua Risiko)

Melindungi kerugian atau kerosakan berkaitan semua risiko ke atas barangan ketika di dalam perjalanan transit di dalam kenderaan atau kereta api pengangkut barang.

b. Fasal Barangan Dalam Transit (Fasal Lori)

Melindungi kerugian atau kerosakan ke atas barangan ketika di dalam perjalanan transit di jalan raya atau landasan disebabkan oleh kebakaran, kilat, kerosakan jambatan terputus, perlanggaran, terbalik atau tergelincir. Kerugian yang disebabkan oleh kecurian tidak dilindungi.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada jenis barangan yang diangkut, had diinsuranskan setiap kenderaan, kekerapan barangan dihantar, perlindungan yang dihendaki dan keperluan pengunderaitan kami.

Dengan bayaran premium tambahan, perlindungan polisi ini boleh dilanjutkan keatas peril berikut:-

(a) Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam

4. Apakah kadar dan caj yang saya perlu bayar?

Sebagai tambahan kepada premium, anda perlu membayar: Jumlah

- | | |
|--|---------------------|
| (a) Cukai Barang dan Perkhidmatan (jika ada) | 0% daripada premium |
| (b) Duti Setem | RM10 |

Premium yang anda perlu bayar termasuk komisen yang dibayar kepada pengantara insurans, jika ada, berjumlah 15% daripada premium.

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- **Kewajipan pendedahan** : anda mesti mendedahkan semua fakta-fakta yang mana anda ketahui atau harus ketahui yang akan mempengaruhi pertimbangan pengunderaitan pada borang anda, jika tidak, polisi anda akan dianggap tidak sah dan dimansuhkan.

Anda harus memastikan borang lengkap sepenuhnya kerana ia mewakili kontrak asas insurans anda.

- **Dasar Insurans** : Anda boleh memilih untuk menginsuranskan barangan anda berdasarkan seperti berikut :-

a. **Polisi Transit Sehala** – Melindungi transit sehala daripada satu tempat ke tempat yang lain

b. **Polisi Tahunan** – melindungi semua transit anda dalam tempoh insurans berdasarkan seperti berikut :-

- (i) Dasar Kenderaan yang spesifik – Nilai barangan yang diangkut dalam mana-mana satu transit untuk satu kenderaan tertakluk kepada had agregat untuk seluruh tempoh polisi. Jika berlakunya tuntutan dibawah polisi, had ini akan dikurangkan melainkan ada had pengembalian semula.
- (ii) Dasar Kenderaan yang tidak spesifik – Nilai barangan yang diangkut sepanjang tempoh polisi. Premium dicaj terdahulu berdasarkan anggaran pengangkutan tahunan dan adalah tertakluk kepada pelarasan berdasarkan pengisytiharaan pengangkutan terlibat yang sebenar pada tamat tempoh insurans.

- **Syarat Sumbangan** : Jika ketika berlakunya apa-apa kerugian, kerosakan atau liabiliti yang dilindungi oleh Polisi ini terdapat insurans lain yang melindungi kerugian, kerosakan atau liabiliti sedemikian, kami tidak bertanggungjawab lebih daripada pekadaran setimpal.
- **Lebihan** : Amaun yang harus anda tanggung sendiri sebelum kami menanggung rugi anda.
- **Pembayaran Premium**

Polisi Transit Sehala – Bayaran sebelum diinsuranskan

Polisi Tahunan – Tertakluk kepada Waranti premium – Premium mesti di bayar dan di terima oleh kami dalam masa 60 hari dari hari perlindungan bermula, jika tidak perlindungan ini adalah dibatalkan secara automatik dan anda masih bertanggungjawab bagi membayar bahagian premium pada tempoh hari-hari yang kami masih menanggung risiko.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi:

- kerugian keatas mana-mana gas cecair atau barangan daripada kontena akibat bocor atau tumpah melainkan berpunca daripada kebakaran, kenderaan ini ditimpa kemalangan atau objek terjatuh keatas kenderaan itu.
- Perang, dan risiko berikat
- kerugian atau kerosakan akibat cuaca, keadaan atmosfera, kehausan dan keusangan, gegat, binatang perosak, serangga, kelembapan, berkulapuk, berkarat, kecacatan pembungkusan, penggunaan cangkuk atau tali, penangguhan, kerugian akibat susut nilai atau kemerosotan, pencemaran, penapaian, pembakaran spontan atau mana-mana jenis kerugian turutan.
- kecurian oleh pekerja-pekerja pihak yang diinsuranskan.
- kerugian atau kerosakan disebabkan oleh perampasan, pemilikan negara, penahanan, pengambilan atau kemusnahan yang disengajakan oleh pihak berkuasa.
- kerugian atau kerosakan ketika harta disimpan sementara di dalam perjalanan transit untuk penyimpanan, pembuatan, pembungkus atau memproses.
- mana – mana tindakan keganasan

NOTA: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada contoh kontrak polisi untuk senarai penuh berkenaan pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Polisi Transit Sehala – Tiada pembatalan

Anda boleh membatalkan polisi ini bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Di atas pembatalan, sebarang pemulangan premium akan tertakluk kepada syarat-syarat yang termaktub dalam kontrak polisi.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perihal saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pada kami tentang sebarang perubahan butiran perihal anda bagi memastikan segala surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

9. Apakah yang harus saya lakukan jika berlaku kemalangan?

Anda mesti:-

- (a) laporkan kejadian itu kepada Polis dengan segera dan memberi kerjasama penuh bagi mencari dan menghukum orang yang bersalah ketika berlaku kecurian.
- (b) memberitahu kami secara bertulis dengan menyertakan butir-butir penuh secepat mungkin. Pemberitahuan awal adalah perlu bagi mengelakkan sebarang prejudis atas tuntutan anda.

10. Apakah yang harus saya lakukan apabila membuat tuntutan?

Anda mesti menyerahkan tuntutan anda dengan melampirkan kesemua keterangan sokongan dan dokumen pada kami dan memberi kerjasama kepada Penyelaras/Penyiasat yang di lantik oleh kami bagi menilai tuntutan anda.

11. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans ini atau mana-mana jenis produk insurans, anda boleh menghubungi kami atau pengantaraan insurans anda atau layari laman web kami di www.mpigenerali.com

MPI Generali Insurans Berhad
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia)
8th Floor, Menara Multi-Purpose
Capital Square
8, Jalan Munshi Abdullah
50100 Kuala Lumpur

Tel: +603 2034 9888
Fax: +603 2694 5759
Email: generalenquiries@mpigenerali.com

12. Lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan?

- Insurans Marin Kargo

NOTA PENTING:

ANDA DI NASIHATKAN PERLINDUNGAN, PENGECUALIAN DAN PEMBATASAN FAEDAHFAEDAH YANG DI TEGASKAN INI ADALAH TIDAK LENGKAP. KETERANGAN PENUH ADALAH YANG TERDAPAT PADA INSURANS KONTRAK.

ANDA HARUS MEMUASKAN DIRI IAITU POLISI INI AKAN MEMENUHI KEHENDAK ANDA YANG TERBAIK. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN INSURANS ATAU MENGHUBUNGI TERUS KAMI UNTUK KETERANGAN LANJUT.

Informasi yang disediakan dalam lembaran ini adalah sah pada 01/06/2018